

Malaysia akan buat kapal terbang - PM

Oleh ZAINI HASSAN

U.M. 17 APR 1993

MELAKA 16 April — Malaysia yang telah berjaya menghasilkan kereta nasionalnya sendiri akan mengeluarkan kapal terbang ringan dua tahun lagi.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan projek baru ini berkata, sebuah syarikat pembuat dan pengeluar kapal terbang Australia, *Eagle Aircraft* telah dibeli dengan harga A\$10 juta (RM18.8 juta) sebagai persediaan bagi mencapai matlamat tersebut.

"Kita berharap dapat membawa balik perusahaan itu (membuat kapal terbang) ke negara ini upaya dapat memulakan industri tersebut, di sini," katanya yang mengaku merahsiakan pembelian syarikat itu yang dibuat dua tahun lalu.

Bercakao kewada pemberita pada si-

dang akhbar di akhir rawatan dua harinya ke negeri ini hari ini, Dr. Mahathir berkata, perkara itu dirahsiakannya kerana kerajaan lebih suka mengumumkan apabila projek yang dijelankannya telah berjaya.

Menurut beliau, setakat ini 10 buah pesawat dua tempat duduk telah ditempah oleh beberapa pihak di Australia daripada syarikat itu.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Malaysia membeli 50 peratus ekuiti syarikat itu apabila ia menghadapi masalah kewangan dan kemudian menguasai sepenuhnya.

Menurut beliau, Petronas menguasai sebanyak 50 peratus ekuitinya manakala selebihnya dikuasai oleh sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Bagaimanapun, pembelian syarikat itu tidak melibatkan syarikat-syarikat swasta.

Beliau berkata, kerajaan mengambil keputusan untuk melabur dalam bidang yang risikonya tinggi serta keuntungannya yang tidak terjamin seperti industri itu kerana kerajaan berpendapat apabila ia berjaya kelak, syarikat itu akan dijual kepada orang ramai.

Menurut Dr. Mahathir, sebagai persediaan bagi melatih kakitangan tempatan dalam teknologi pembuatan kapal terbang itu, kerajaan telah menghantar kakitangan termasuk pengurus dan ju-

■ Lihat muka 2

U.M. 17 APR 1993

Malaysia buat kapal terbang

ruitera ke syarikat itu bagi mendapatkan latihan seawajarnya.

"Kerajaan membeli syarikat itu sebagai pelaburannya dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kerana yang diutamakan oleh kerajaan bukan hendak mengeluarkan kapal terbang, tetapi untuk mempelajari teknologinya," jelasnya.

Menurut Perdana Menteri, dua jenis teknologi telah dikenal pasti untuk dikuasai iaitu teknologi komposit dan teknologi pembuatan kapal terbang.

Katanya, teknologi

komposit itu melibatkan penggunaan bahan plastik seperti gentian kaca yang didapati lebih kuat daripada aluminium yang digunakan untuk membuat kapal terbang.

Di samping itu katanya, bahan tersebut juga lebih ringan dan mudah dibuat dengan menggunakan tenaga manusia dan tidak menggunakan mesin.

"Dalam hal ini perusahaan itu sesuai dibawa balik ke negara ini memandangkan tenaga buhuh di negara ini lebih murah berbanding di Australia," jelas beliau.

Menjawab pertanyaan

bilakah perusahaan itu akan dibawa balik ke negara ini, Dr. Mahathir berkata, paling kurang dalam tempoh dua tahun lagi.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan di manakah industri pengeluaran kapal terbang tersebut akan ditempatkan.

Ditanya apakah syarikat tersebut akan mengeluarkan kapal terbang yang lebih besar termasuk kapal terbang penumpang, beliau menjelaskan, pada peringkat permulaan, ia akan mengeluarkan kapal terbang jenis ringan dulu sebelum mencipta kapal terbang lain yang

lebih besar dengan mempunyai reka bentuk yang berbeza.

"Apabila sudah mendapat pengetahuan (teknologi) kita bolehlah buat macam mana pun (reka bentuk)," jelasnya.

Mengenai keyakinannya terhadap syarikat yang dibeli itu, Dr. Mahathir berkata: "Ia boleh maju kalau kita berhati-hati dan tidak termasuk dalam bidang-bidang yang sudah dikuasai oleh syarikat gergasi yang lebih cekaun, sebab itu kita pilih syarikat pengeluar kapal terbang pelatih dan bukan kapal terbang penumpang."